

12/11/1999

Nama mesti diserahkan Sabtu

JOHOR BAHRU, Khamis - Badan Perhubungan Umno Johor memberi tempoh sehingga pagi Sabtu ini kepada setiap bahagian untuk menghantar cadangan nama calon kawasan parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi pilihan raya umum ke-10 ini.

Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata ini bagi memudahkan beliau membuat pertimbangan terhadap cadangan nama calon sebelum dihantar kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk keputusan muktamad.

"Saya akan minta bahagian (Umno) hantar cadangan nama habis lewat pagi Sabtu (untuk Umno), manakala komponen BN kita akan tunggu nama yang akan disampaikan presiden parti komponen," katanya kepada pemberita di kediaman rasminya di Saujana, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno negeri bagi memberi penerangan termasuk persiapan terakhir sebelum penamaan calon.

Mengenai senarai calon yang akan bertanding di peringkat DUN dan Parlimen pada pilihan raya umum ini, Menteri Besar berkata, ia mengandungi muka baru dan lama.

Beliau bagaimanapun hanya boleh memberi pandangan mengenai setiap calon kepada Dr Mahathir dan keputusan muktamad adalah terletak di tangan Pengerusi BN itu.

"Saya yakin ahli parti akan menerima keputusan muktamad yang dibuat Pengerusi BN," katanya.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir mengenai rusuhan yang dirancang parti pembangkang, Abdul Ghani percaya rakyat Johor tidak akan merelakan perkara tidak baik berlaku dalam pilihan raya ini.

Bahkan, katanya, rakyat perlu memelihara rekod yang baik kerana sepanjang sembilan pilihan raya umum sejak merdeka, semuanya berjalan selamat, terpelihara dan diktiraf sebagai satu bentuk pilihan raya yang baik memilih kerajaan.

"Kita yakin rakyat Johor akan sama-sama memikul tanggungjawab untukelihara keselamatan, kedamaian dan keharmonian dalam menyempurnakan tanggungjawab mereka," katanya.

(END)